A

Kedai Pajak Shin Ngien Sdn Bhd lwn Pendakwa Raya

B MAHKAMAH TINGGI (SHAH ALAM) — RAYUAN JENAYAH NO BA-41S-49–07 TAHUN 2019
MOHD YAZID H
4 NOVEMBER 2020

C *Prosedur Jenayah — Rayuan — Rayuan terhadap sabitan — Sama ada majistret terkhilaf memutuskan pihak pendakwaan telah berjaya mengemukakan satu kes prima facie dan memerintahkan perayu dipanggil untuk membela diri — Sama ada majistret terkhilaf menolak pembelaan perayu bahawa tindakan menjual barang-barang pajak gadai emas yang tidak ditebus di premis berlesen perayu adalah suatu amalan atau 'trade custom and practice' yang diamalkan oleh pemegang pajak gadai sekian lama — Sama ada notis rayuan perayu perlu ditolak — Akta Pemegang Pajak Gadai 1972 ss 2, 16(3) & 23 — Peraturan-Peraturan Pemegang Pajak Gadai (Kawalan dan Perlesenan) 2004 peraturan 8(4)*

D

E

Perayu telah dituduh dengan dua pertuduhan. Pertuduhan pertama atas kesalahan menjalankan perniagaan emas selain daripada perniagaan pajak gadai, suatu kesalahan di bawah s 16(3) Akta Pemegang Pajak Gadai 1972 ('Akta'). Bagi pertuduhan kedua atas kesalahan mempamerkan iklan yang tidak

F mengandungi butiran lengkap, suatu kesalahan di bawah peraturan 8(4) Peraturan-peraturan Pemegang Pajak Gadai (Kawalan dan Perlesenan) 2004 dan boleh dihukum di bawah Peraturan yang sama. Perayu telah mengaku salah ke atas pertuduhan kedua. Perayu, walau bagaimanapun tidak mengaku salah ke atas pertuduhan pertama. Di akhir kes pembelaan, tuan majistret telah

G mensabitkan perayu dengan kesalahan ke atas pertuduhan kedua dan telah dijatuhkan hukuman denda RM9,000. Seterusnya, perayu telah memfailkan rayuan ke atas sabitan dan hukuman ke Mahkamah Tinggi. Hakim Mahkamah Tinggi telah mengekalkan sabitan dan membenarkan rayuan ke atas hukuman, denda RM9,000 telah dikurangkan kepada RM5,000. Tidak berpuas hati

H dengan sabitan tersebut, perayu seterusnya memfailkan notis rayuan ke Mahkamah Tinggi ke atas sabitan. Peguam perayu dalam hujahan bertulisnya tidak mempertikaikan fakta bahawa perayu telah menjual barang-barang pajakan yang tidak ditebus yang dipamerkan di premis perniagaannya. Berasaskan fakta yang tidak dipertikaikan ini, isu undang-undang tunggal yang

I perlu diputuskan di dalam kes ini ialah sama ada perbuatan perayu menjual barang-barang pajakan yang tidak ditebus di premis perniagaannya merupakan suatu kesalahan di bawah s 16(3) Akta tersebut ataupun sebaliknya.

Diputuskan, menolak rayuan:

(1) Seksyen 16(3) Akta Pajak Gadai 1972 secara nyata memperuntukkan tiada seseorang pemegang gadai lesen boleh menggunakan premis lesen itu bagi menjalankan atau menguruskan perniagaan selain daripada perniagaan pajak gadai. Mahkamah telah mendapati peruntukan s 16(3) Akta adalah amat jelas dan amat terang di mana tiada seseorang pemegang lesen boleh menggunakan premis lesen itu bagi menjalankan atau menguruskan apa-apa perniagaan selain perniagaan pajak gadai. Tindakan perayu yang menjual barang-barang pajak gadai emas yang tidak ditebus di premis berlesen perayu, ianya satu kesalahan yang jelas dan nyata di bawah s 16(3) Akta. Dengan itu, tuan majistret tidak terkhilaf dari segi fakta dan undang-undang apabila memutuskan bahawa tafsiran perniagaan pajak gadai hendaklah ditafsirkan secara 'purposive approach' (lihat perenggan 20–21 & 27).

(2) Berdasarkan s 23, mana-mana sandaran yang tidak ditebus dalam tempohnya, sekiranya dipajakgadaikan untuk sesuatu jumlah RM200, sandaran tersebut akan menjadi hak milik pemegang pajak gadai. Sekiranya sandaran melebihi RM200, sandaran tersebut hendaklah dijual dan dilupuskan dengan jualan lelong yang dijalankan oleh pelelong berlesen, di mana pemegang pajak gadai boleh membuat tawaran untuk membeli sandaran yang tidak ditebuskan itu. Mahkamah mendapati bahawa sandaran yang tidak ditebus oleh pemajak gadai termasuk barang-barang pajakan emas, pemegang pajak gadai tidak boleh menjual balik sandaran tersebut di premisnya kerana premis berlesen perayu hanya dibenarkan untuk menjalankan perniagaan pajak gadai sahaja (lihat perenggan 25–26).

[English summary

The appellant in this case was charged with two charges. The first charge was for an offense of carrying out a gold business transaction other than of the pawnbroking business transaction, an offense under s 16(3) of the Pawnbrokers Act 1972 ('the Act'). The second charge was for an offense of displaying incomplete billboards, an offense under reg 8(4) of the Pawnbrokers Regulations (Control and Licensing) 2004 and punishable under the same regulations. The appellant had pleaded guilty to the second charge. The appellant, however, did not plead guilty to the first charge. At the end of the defense case, the magistrate convicted the appellant of the second charge and was fined RM9,000. Consequently, the appellant filed an appeal against the conviction and sentence to the High Court. The High Court judge upheld the conviction and allowed the appeal against the sentence, the fine of RM9,000 was reduced to RM5,000. Dissatisfied with the conviction, the appellant subsequently filed a notice of appeal to the High Court on the conviction. The appellant's counsel in his written submission did not dispute the fact that the appellant had sold the unredeemed pawn articles displayed in his premise of business. Based on the undisputed fact, the sole legal issue to be decided in this

case was whether the appellant's conduct of selling unredeemed pawn articles in his premise of business was an offense under s 16(3) of the Act.

Held, dismissing the appeal:

(1) Section 16(3) of the Pawnbrokers Act 1972 had clearly provided that no licensee shall use the licensed premises for the conduct or transaction of any business other than that of pawnbroking. The court had found that the provisions of s 16(3) of the Act were very straightforward and very clear where no licensee shall use the licensed premises for the conduct or transaction of any business other than that of pawnbroking. The appellant's conduct of selling unredeemed gold pawn articles at the appellant's licensed premises was a clear and obvious offense under s 16(3) of the Act. Therefore, the magistrate had not erred based on facts and laws in deciding that the interpretation of the pawn business should be interpreted based on the 'purposive approach' (see paras 20–21 & 27).

(2) Pursuant to s 23, if any pledge that was not redeemed before the expiration of its period, if pawned for a sum of RM 200, the pledge shall become the property of the pawnbroker. If the pledge exceeds the sum of RM200, the pledge shall be sold and disposed by auction sale that was conducted by a licensed auctioneer, where the pawnbroker could bid to purchase the unredeemed pledge. The court found that the pledge which was not redeemed by the pawner including the gold pawn articles, the pawnbroker should not resell the pledge in his premise as the appellant's licensed premises were only allowed to conduct the pawnbroking business (see paras 25–26).]

Kes-kes yang dirujuk

Nothman v Barnet London Borough Council [1978] 1 WLR 220, MR (dirujuk)
PP v Lee Seang Joo [1941] 1 MLJ 156 (dirujuk)
Tan Kee Tai v PP [1998] 1 MLJ 10 (dirujuk)
United Hokkien Cemetries, Penang v The Board, Majlis Perbandaran Pulau Pinang [1979] 2 MLJ 121, MP (dirujuk)
Yii Ming Tung v PP [2015] 3 MLJ 596, MR (dirujuk)

Undang-undang yang dirujuk

Akta Pemegang Pajak Gadai 1972 ss 2, 3, 16, 16(3), 23, 23(1), (2)
Akta Tafsiran 1948 dan 1967 s 17A
Peraturan-Peraturan Pemegang Pajak Gadai (Kawalan dan Perlesenan) 2004 peraturan 8(4)

J Amardas (Terence Chan Yoong Tian bersamanya) (KP Ng & Amardas) bagi pihak perayu.
Siti Nor Sakinah bt Ibrahim (Shafiq bin Hasim bersamanya) (Timbalan Pendakwa Raya, Jabatan Penguam Negara) bagi pihak responden.

Mohd Yazid H:

[1] Di dalam kes ini Kedai Pajak Emas Shin Ngien Sdn Bhd ('perayu') telah dituduh dengan dua pertuduhan. Pertuduhan pertama atas kesalahan menjalankan perniagaan emas selain daripada perniagaan pajak gadai, suatu kesalahan di bawah s 16(3) Akta Pemegang Pajak Gadai 1972 ('Akta'). Bagi pertuduhan kedua atas kesalahan mempamerkan iklan yang tidak mengandungi butiran lengkap, suatu kesalahan di bawah peraturan 8(4) Peraturan-Peraturan Pemegang Pajak Gadai (Kawalan dan Perlesenan) 2004 dan boleh dihukum di bawah peraturan yang sama.

[2] Perayu telah mengaku salah ke atas pertuduhan kedua.

[3] Perayu tidak mengaku salah ke atas pertuduhan pertama. Di akhir kes pembelaan, tuan majistret telah mensabitkan perayu dengan kesalahan ke atas pertuduhan kedua dan telah dijatuhkan hukuman denda RM9,000.

[4] Perayu telah memfailkan rayuan ke atas sabitan dan hukuman ke Mahkamah Tinggi. Saya telah mengekalkan sabitan dan membenarkan rayuan ke atas hukuman, denda RM9,000 dikurangkan kepada RM5,000.

[5] Tidak berpuas hati dengan sabitan tersebut, perayu seterusnya memfailkan notis rayuan ke Mahkamah Tinggi ke atas sabitan.

[6] Peguam perayu dalam hujahan bertulisnya tidak mempertikaikan fakta bahawa perayu telah menjual barang-barang pajakan yang tidak ditebus yang dipamerkan di premis perniagaannya.

[7] Berasaskan fakta yang tidak dipertikaikan ini, isu undang-undang tunggal yang perlu diputuskan di dalam kes ini ialah sama ada perbuatan perayu menjual barang-barang pajakan yang tidak ditebus di premis perniagaannya merupakan suatu kesalahan di bawah s 16(3) Akta ataupun sebaliknya?

[8] Peguam perayu menghujahkan perbuatan perayu menjual barang-barang pajakan yang tidak ditebus di premis perniagaannya bukanlah satu kesalahan di bawah s 16(3) Akta tersebut berasaskan alasan-alasan berikut:

(a) pertama, ekoran Akta yang tidak memberi definasi pajakan (*pawn broking*), peguam perayu telah merujuk takrifan pajakan di bawah *common law*. *Common law* mengtakrifkan pajakan sebagaimana berikut iaitu, 'a pawn or pledge is a bailment of personal property as a security for some debt or engagement it is created by, and is incomplete without, an actual or constructive delivery of the thing pledged, to, or on behalf of the

pledgee, and it confers a special or qualified property in the pledge, sufficient to support an action against a person who wrongfully converts it, the general property remaining in the pledger';

(b) peguam perayu menghujahkan berasaskan definasi pajakan di bawah *common law* sebagaimana yang dinyatakan di perenggan (a), peguam menghujahkan ianya jelas menunjukkan barang yang dipajak adalah cagaran untuk membayar balik bagi pinjaman yang diberi. Ini bermaksud, bahawa kalau seseorang pemajak gadai (*pawner*) tidak membayar hutangnya, pemegang pajak gadai (*pawnee*) mempunyai kuasa untuk menjual barang-barang yang dicagarkan untuk mendapat balik pinjamannya;

(c) peguam perayu seterusnya menghujahkan berasaskan ss 23(1) dan (2) pemegang pajak gadai terpaksa mengambil barangan yang dicagarkan sekiranya pinjaman tidak melebihi RM200 dan pemegang pajak gadai akan menjadi tuan barangan yang telah diberi sebagai cagaran. Oleh kerana barang-barang yang dipajak adalah cagaran hutang daripada pemegang pajak gadai, di mana pemegang pajak gadai berhak untuk menjual barang-barang pajakan bagi mendapat balik pinjamannya. Dihujahkan bahawa ini adalah satu proses perniagaan pemegang pajak gadai (*pawn broking business*);

(d) peguam perayu seterusnya merujuk kepada peruntukkan s 2 Akta yang mendefinasikan perniagaan pemegang pajak gadai ianya termasuk perniagaan mengambil barang-barang yang digadai. Peguam perayu menekankan perkataan 'termasuk perniagaan mengambil barang-barang yang digadai' dalam s 2 adalah tidak konklusif dan terbuka. Ekoran tiadanya definisi di bawah Akta tersebut apakah sebenarnya takrifan perniagaan pemegang pajak gadai, peguam perayu menghujahkan perkataan 'termasuk' sesungguhnya mempunyai liputan yang luas (kes *Yii Ming Tung v Public Prosecutor* [2015] 3 MLJ 596 dirujuk). Di dalam kes ini, Mahkamah Rayuan telah memutuskan perkataan 'termasuk' mempunyai maksud yang luas, terbuka dan menyeluruh. Berasaskan skop maksud 'termasuk' mempunyai maksud yang luas, terbuka dan menyeluruh, peguam perayu menghujahkan oleh itu aktiviti-aktiviti menjalankan perniagaan emas ke atas barangan pajakan yang tidak ditebus adalah termasuk dalam takrifan perniagaan pemegang pajak gadai;

(e) perayu seterusnya menghujahkan bahawa tujuan atau matlamat pemegang pajak gadai menjual balik barang gadaian emas yang tidak ditebus adalah untuk mendapat balik pinjaman yang diberikan. Ini bermakna salah satu cara untuk mendapatkan balik pinjaman tersebut adalah dengan menjual balik barangan gadaian yang tidak ditebus. Dihujahkan ini sememangnya termasuk di dalam proses perniagaan pemegang pajak gadai;

(f) peguam perayu seterusnya menghujahkan oleh kerana terdapatnya keraguan di dalam definasi atau maksud sebenar perniagaan pajak gadai, oleh itu berasaskan peruntukkan s 16(3), ianya tidak pernah melarang atau menghalang pihak perayu menjual barang-barang pajakan emas yang tidak ditebus di premis berlesen perayu;

(g) peguam perayu juga menghujahkan oleh kerana Akta tidak menjelaskan secara terperinci apakah yang dimaksudkan dengan perniagaan pajak gadai, di mana s 2 hanya memberi definasi bagi perniagaan 'Perniagaan Pajak Gadai', oleh itu pihak perayu dibolehkan menjual barang-barang pajakan emas yang tidak ditebus di premis berlesen perayu;

(h) peguam perayu seterusnya menghujahkan perbuatan perayu yang menjual barangan yang dipajak gadai di dalam premis yang berlesen yang tidak ditebus, tidak boleh dipisahkan daripada perniagaan pemegang pajak gadai kerana ia termasuk di dalam proses perniagaan pemegang pajak gadai. Malah SP3 telah bersetuju dengan cadangan peguam perayu bahawa barang-barang pajakan emas yang tidak ditebus boleh dijual balik untuk mendapatkan balik pinjaman; dan

(i) seterusnya dihujahkan oleh peguam perayu oleh kerana ketiadaan di mana-mana di dalam Akta tersebut yang mengatakan bahawa perayu tidak boleh menjual barangan yang digadaikan yang tidak ditebus di dalam premis tersebut, penjualan barangan tersebut adalah menjadikan ianya 'part and parcel of the pawn broking business'.

[9] Berasaskan hujahan-hujahan di atas, peguam perayu menghujahkan tuan majistret telah khilaf dari segi fakta dan undang-undang apabila membuat andaian/tafsiran sendiri bahawa penjualan barang-barang pajak gadai yang tidak ditebus bukanlah merupakan sebahagian daripada transaksi perniagaan pajak gadai sedangkan Akta langsung tidak menyatakan demikian dan tiada apa-apa keterangan atau bukti yang menyokong andaian dan tafsiran tuan majistret.

[10] Peguam perayu seterusnya menghujahkan bahawa tuan majistret telah khilaf apabila di dalam alasan penghakimannya mengambil pendekatan memandangkan Akta tersebut tidak menyatakan perayu boleh menjual barang-barang pajak gadai yang tidak ditebus, maka perayu tidak boleh menjual barang-barang pajak gadai yang tidak ditebus. Dihujahkan bahawa alasan yang diberi oleh tuan majistret ini adalah bercanggah dengan prinsip undang-undang bahawa sesuatu kesalahan perlulah dinyatakan secara spesifik di dalam suatu Akta dan bukannya dengan membuat andaian seperti mana yang dilakukan oleh tuan majistret.

[11] Peguam perayu seterusnya menghujahkan tuan majistret telah gagal mempertimbangkan bahawa s 16(3) Akta tersebut yang langsung tidak

menjelaskan atau menyatakan secara spesifik apakah yang tidak boleh dilakukan oleh peniaga-peniaga pajak gadai . Dihujahkan apabila terdapatnya kelompongan ketara mengenai definasi perniagaan pajak gadai di dalam s 16(3) Akta tersebut, undang-undang adalah mantap sekiranya terdapat ketidakjelasan dari segi definasi di dalam satu Akta, maka ianya harus ditafsirkan menyebelahi orang yang tertuduh (kes *Public Prosecutor v Lee Seang Joo* [1941] 1 MLJ 156 dan *Tan Kee Tai v Public Prosecutor* [1998] 1 MLJ 10 dirujuk). Oleh itu, dihujahkan bahawa terdapatnya keraguan material sama ada perjualan barang-barang pajak gadai yang tidak ditebus di premis berlesen perayu merupakan satu kesalahan di bawah Akta tersebut.

DAPATAN MAHKAMAH

[12] Saya mendapati isu tunggal dalam kes ini adalah melibatkan isu undang-undang yang melibatkan interpretasi ke atas peruntukan-peruntukan yang relevan di bawah akta ini iaitu ss 2, 16(3), 23(1) dan 23(2).

[13] Seksyen 2 Akta, antara lain, mengtakrifkan:

(a) Pemajak gadai — ertinya seseorang yang menyerahkan sesuatu barang untuk pajak gadai kepada seseorang pemegang pajak gadai;

(b) Pemegang pajak gadai — ertinya orang yang menjalankan perniagaan pemajak gadaian;

(c) Premis — ertinya tempat seseorang menjalankan perniagaan sebagai pemegang pajak gadai; dan

(d) Perniagaan pemegang pajak gadai — termasuklah perniagaan mengambil barang sebagai pajak gadai.

[14] Seksyen 3 memperuntukkan orang yang disifatkan sebagai pemegang pajak gadai iaitu:

Mana-mana orang yang —

(a) menerima atau mengambil daripada mana-mana orang jua pun apa- apa barang sebagai cagaran terhadap pembayaran balik apa-apa jumlah wang, tidak lebih daripada sepuluh ribu ringgit, yang didahulukan atas cagaran itu; atau

(b) membeli atau menerima atau mengambil barangan dan membayar atau mendahulukan atau meminjamkan atasnya apa-apa jumlah wang, tidak lebih daripada sepuluh ribu ringgit, dengan atau di bawah sesuatu perjanjian atau persefahaman yang dinyatakan atau tersirat atau yang dari keadaan dan jenis urusan itu dapat disimpulkan dengan munasabah bahawa barangan itu boleh kemudiannya ditebusatau dibeli kembali mengikut apa-apa syarat,hendaklah disifatkan sebagai seorang yang menjalankan perniagaan mengambil barangan sebagai pajak gadai, dan

tiap-tiap transaksi, barang, bayaran, pendahuluan dan pinjaman itu masing-masing hendaklah disifatkan sebagai pemajakgadaian, sandaran atau pinjaman dalam erti Akta ini.

[15] Seksyen 16 memperuntukkan:

s 16 Waktu perniagaan dan sekatan tentang penerimaan barang sebagai pajak gadai dan menjalankan perniagaan lain

(2) Tiada seseorang pemegang lesen boleh menjalankan atau menguruskan mana-mana bahagian perniagaan pajak gadainya atau menyimpan apa-apa sandaran yang dipajakgadaikan di mana-mana tempat yang lain daripada premis berlesen itu.

(3) Tiada seseorang pemegang lesen boleh menggunakan premis berlesen itu bagi menjalankan atau menguruskan apa-apa perniagaan selain perniagaan pajak gadai.

[16] Seksyen 23 — Sandaran yang tidak ditebus dalam tempohnya:

(1) Jika mana-mana sandaran tidak ditebus sebelum tamat enam bulan dari tarikh pemajakgadaian atau sesuatu tempoh yang lebih lama sebagaimana yang mungkin telah disetujui antara seseorangpemegang pajak gadai dengan pemajak gadai, atau sebagaimana yang dikehendaki mengikut Seksyen 19, maka sandaran itu:

(a) jika dipajak gadaikan untuk sejumlah wang yang tidak lebih daripada dua ratus ringgit, hendaklah menjadi harta pemegang pajak gadai itu; atau

(b) jika dipajak gadaikan untuk sejumlah wang yang lebih daripada dua ratus ringgit, apabila dilupuskan oleh pemegang pajak gadai itu, hendaklah dilupuskan dengan jualan lelong yang dijalankan oleh pelelong berlesen;

(2) Seseorang pemegang pajak gadai boleh, dalam sesuatu jualanlelong di bawah Seksyen ini, membuat tawaran untuk membeli dan membeli sesuatu sandaran yang dipajakgadaikan kepadanya; dan apabila sandaran itu dibeli olehnya, dia hendaklah disifatkan sebagai pemunya mutlak sandaran yang dibeli itu; dan

(3) Seseorang pemegang pajak gadai hendaklah menghantar kepada Pendaftar pada satu haribulan setiap bulan kalendar suatu senarai mengikut bentuk yang ditetapkan bersama dengan apa-apa bilangan salinan yang dikehendaki oleh Pendaftar itu menunjukkan keputusan jualan sandaran itu dalam bulan yang sebelumnya. Pendaftar hendaklah memastikan supaya senarai itu sentiasa tertampal di pejabatnya dan di tempat awam sebagaimana yang difikirkan perlu olehnya selama tiga bulan.

[17] Seksyen 2 mentakrifkan 'sandaran' sebagai apa-apa harta perseorangan yang ketara selain daripada hak dalam tindakan, hakmilik, sekuriti atau

keterangan bercetak mengenai keberhutangan, yang disimpan atau diserahkan ke dalam milikan seseorang pajak gadai.

[18] Manakala takrifan 'perniagaan pemegang pajak gadai' dalam s 2 termasuklah perniagaan mengambil barang sebagai pajak gadai.

[19] Berasaskan takrifan 'perniagaan pemegang pajak gadai' dan takrifan sandaran, barangan yang boleh menjadi sandaran, antara lain, adalah apa-apa harta perseorangan, hakmilik atau sekuriti.

[20] Seterusnya s 16(3) Akta Pajak Gadai 1972 secara nyata memperuntukkan tiada seseorang pemegang gadai lesen boleh menggunakan premis lesen itu bagi menjalankan atau menguruskan perniagaan selain daripada perniagaan pajak gadai.

[21] Saya mendapati peruntukan s 16(3) Akta adalah amat jelas dan amat terang di mana tiada seseorang pemegang lesen boleh menggunakan premis lesen itu bagi menjalankan atau menguruskan apa-apa perniagaan selain perniagaan pajak gadai.

[22] Berasaskan definasi perniagaan pemegang pajak gadai dan s 16(3) Akta yang amat jelas dan amat terang ini, saya mendapati hujahan peguam perayu bahawa perkataan 'termasuk' dalam takrifan perniagaan pemegang pajak gadai mempunyai liputan yang luas, terbuka dan menyeluruh adalah suatu taksiran yang tidak tepat dan tidak berasas.

[23] Kedudukan undang-undang adalah jelas sekiranya sesuatu peruntukkan itu telah jelas dan terang, peguam perayu tidak boleh mentafsirkan peruntukan-peruntukan tersebut bagi menjustifikasikan tindakan perayu.

[24] Berasaskan peruntukan undang-undang yang jelas itu, yang mana perayu hanya dibenarkan menjalankan perniagaan pajak gadai sahaja, dan ketiadaan apa-apa 'lacuna' atau 'ambiguity' di dalam tafsiran perniagaan pajak gadai, oleh itu takrifan pajakan di bawah *common law* yang dirujuk oleh peguam perayu adalah tidak terpakai.

[25] Berdasarkan s 23, mana-mana sandaran yang tidak ditebus dalam tempohnya, sekiranya dipajakgadaikan untuk sesuatu jumlah RM200, sandaran tersebut akan menjadi hak milik pemegang pajak gadai. Sekiranya sandaran melebihi RM200, sandaran tersebut hendaklah dijual dan

dilupuskan dengan jualan lelong yang dijalankan oleh pelelong berlesen, di mana pemegang pajak gadai boleh membuat tawaran untuk membeli sandaran yang tidak ditebuskan itu.

[26] Saya juga mendapati berasaskan s 23 yang jelas dan nyata ini, sandaran yang tidak ditebus oleh pemajak gadai termasuk barang-barang pajakan emas, pemegang pajak gadai tidak boleh menjual balik sandaran tersebut di premisnya kerana premis berlesen perayu hanya dibenarkan untuk menjalankan perniagaan pajak gadai sahaja.

[27] Oleh kerana peruntukkan undang-undang adalah jelas dan spesifik, ianya juga tidak mewujudkan apa-apa kelompangan, ekoran itu tidak terdapatnya sebarang keraguan bahawa barang-barang pajak gadai yang tidak ditebus, ianya tidak boleh dijual di premis berlesen perayu. Tindakan perayu yang menjual barang-barang pajak gadai emas yang tidak ditebus di premis berlesen perayu, ianya satu kesalahan yang jelas dan nyata di bawah s 16(3) Akta. Dengan itu tuan majistret tidak terkhilaf dari segi fakta dan undang-undang apabila memutuskan bahawa tafsiran perniagaan pajak gadai hendaklah ditafsirkan secara 'purposive approach' (kes *United Hokkien Cemetries, Penang v The Board, Majlis Perbandaran Pulau Pinang* [1979] 2 MLJ 121, *Nothman v Barnet London Borough Council* [1978] 1 WLR 220 dan s 17A Akta Tafsiran 1948 dan 1967 dirujuk).

[28] Berasaskan alasan-alasan di atas, saya mendapati tuan majistret telah membuat dapatan fakta dan undang-undang yang betul apabila memutuskan pihak pendakwaan telah berjaya mengemukakan satu kes prima facie dan memerintahkan perayu dipanggil untuk membela diri.

[29] Berasaskan dapatan di atas, saya mendapati tuan majistret telah membuat dapatan yang betul dari segi fakta dan undang-undang apabila menolak pembelaan perayu bahawa tindakan menjual barang-barang pajak gadai emas yang tidak ditebus di premis berlesen perayu adalah suatu amalan atau *trade custom and practice* yang diamalkan oleh pemegang pajak gadai sekian lama.

Rayuan ditolak.

Dilaporkan oleh Nuzul Fitrie